

NO. SOALAN: 65

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

TARIKH : 21 MAC 2016

RUJUKAN : 9656

SOALAN :

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **Menteri Dalam Negeri** menyatakan sama ada dan langkah yang dicadangkan untuk menyelesaikan masalah kewarganegaraan bagi anak-anak kelahiran tempatan tanpa dokumentasi atau oleh ibu warganegara asing supaya mereka boleh memperolehi kewarganegaraan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan peruntukan undang-undang yang mewajibkan pendaftaran bagi semua kelahiran di Malaysia, mana-mana individu yang dilahirkan di Malaysia tetapi tidak mempunyai dokumen kelahiran, ibu atau bapa atau penjaga kepada kanak-kanak perlulah tampil ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi mendaftarkan kelahiran tersebut.

Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) ingin menegaskan bahawa kelahiran di negara ini tidak menyebabkan seseorang individu memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Status kewarganegaraan ialah anugerah tertinggi yang telah diperuntukkan dengan jelas di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira dan diteliti dalam menentukan status kewarganegaraan seseorang individu seperti tarikh dan tempat kelahiran, taraf kewarganegaraan serta status perkahwinan ibu dan bapa individu tersebut. Bagi kelahiran yang berlaku tanpa perkahwinan, maka penentuan kewarganegaraan kanak-kanak adalah berdasarkan kepada kewarganegaraan ibunya sahaja, seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 17, Jadual Kedua, Bahagian III Perlembagaan Persekutuan:-

“Berhubung dengan seseorang anak tidak sah taraf, sebutan mengenai bapa orang itu atau mengenai ibu atau bapanya, atau mengenai seorang daripada ibu bapanya adalah, bagi maksud Bahagian III Perlembagaan ini, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai ibunya, dan dengan yang demikian itu seksyen 19 Jadual ini tidaklah terpakai bagi orang itu.”

Oleh itu, kanak-kanak yang dilahirkan oleh wanita warga asing tanpa perkahwinan, walaupun lelaki yang didakwa sebagai bapa kanak-kanak tersebut merupakan Warganegara Malaysia, maka kanak-kanak tersebut akan tetap didaftarkan sebagai Bukan Warganegara. Justeru, menjadi tanggungjawab kedua-dua ibu bapa kanak-kanak tersebut untuk menguruskan dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal ibu kanak-kanak berkenaan melalui kedutaan negara masing-masing.